

Panduan Pengguna iPhone

Sebelum menggunakan iPhone, semak semula panduan pengguna di help.apple.com/iphone. Anda juga boleh menggunakan Apple Books untuk memuat turun panduan (apabila tersedia) atau, untuk melihat panduan pengguna pada iPhone, gunakan penanda buku Safari. Simpan dokumentasi untuk rujukan masa depan.

Keselamatan dan Pengendalian

Lihat "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

Pendedahan terhadap Frekuensi Radio

Pada iPhone, pergi ke *Seting > Umum > Perihal > Undang-Undang > Pendedahan RF*. Atau pergi ke www.apple.com/legal/rfexposure.

Bateri

Jangan cuba gantikan bateri iPhone dengan sendiri—anda mungkin rosakkan bateri, yang boleh menyebabkan panas melampau, kebakaran dan kecederaan. Bateri litium-ion dalam iPhone anda perlu diservis atau dikitar semula oleh Apple atau penyedia khidmat sah dan mesti dikitar semula atau dilupuskan secara berasingan daripada sisa buangan rumah. Lupuskan bateri mengikut undang-undang alam sekitar dan garis panduan tempatan anda. Untuk mendapatkan maklumat tentang bateri litium-ion Apple serta servis dan kitar semula bateri, pergi ke www.apple.com/my/batteries/service-and-recycling.

Keserasian Alat Bantu Dengar (HAC)

Pergi ke support.apple.com/en-my/HT202186 atau lihat "Peranti pendengaran" di *Panduan Pengguna iPhone*.

Mengelakkan Kerosakan Pendengaran

Untuk mengelakkan kerosakan pendengaran, jangan dengar pada paras kelantangan tinggi untuk masa yang lama. Maklumat lanjut tentang bunyi dan pendengaran tersedia dalam talian di www.apple.com/my/sound dan dalam "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

Gangguan Peranti Perubatan

iPhone mengandungi magnet yang mungkin mengganggu peranti perubatan. Lihat "Maklumat keselamatan penting" dalam *Panduan Pengguna iPhone*.

Ringkasan Waranti Terhad Satu Tahun Apple

Apple menjamin produk perkakasan dan aksesori yang disertakan daripada kecacatan bahan dan mutu buatan untuk satu tahun dari tarikh asal pembelian runcit. Apple tidak menjamin ke atas kehausan dan lusuh biasa, atau kerosakan disebabkan oleh kemalangan atau penyalahgunaan. Untuk memperolehi servis, hubungi Apple atau lawati Apple Store atau Penyedia Khidmat Sah Apple—pilihan servis tersedia bergantung kepada negara tempat servis diminta dan mungkin terhad kepada negara asal ia dijual. Caj panggilan dan caj penghantaran antarabangsa mungkin dikenakan, bergantung kepada lokasi. Tertakluk kepada syarat penuh dan maklumat terperinci atas perolehan servis tersedia di www.apple.com/legal/warranty dan support.apple.com/en-my, jika anda menghantar tuntutan sah di bawah waranti ini, Apple akan membaiki, menggantikan atau mengembalikan bayaran iPhone anda menurut budi bicaranya sendiri. Faedah waranti adalah tambahan kepada hak disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan. Anda mungkin perlu memberikan bukti terperinci pembelian apabila membuat tuntutan di bawah waranti ini.

Untuk Pengguna Australia: Barangan kami datang dengan jaminan yang tidak boleh dikecualikan di bawah Undang-Undang Pengguna Australia. Anda berhak mendapat penggantian atau pengembalian bayaran untuk kerosakan besar dan pampasan untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang munasabah. Anda juga berhak untuk mendapat pembaikan atau penggantian barangan jika kualitinya tidak boleh diterima dan kerosakannya bukan kerosakan yang besar. Apple Pty Ltd, PO Box A2629, Sydney South, NSW 1235. Tel: 133-622.

Untuk Pengguna Brazil: Faedah waranti adalah tambahan kepada hak disediakan di bawah undang-undang pengguna tempatan, kecuali untuk waranti 1-tahun yang sudah mengandungi terma penuh waranti sah disediakan oleh kod/peraturan pembelaan pengguna Brazil.

Kawal Selia

Maklumat kawal selia, sijil dan tanda pematuhan khusus untuk iPhone tersedia pada iPhone. Pergi ke *Seting > Umum > Kawal Selia*. Maklumat tambahan kawal selia di "Keselamatan, pengendalian dan sokongan" di *Panduan Pengguna iPhone*.

Pernyataan Pematuhan ISED Kanada dan FCC

Peranti ini mematuhi piawai RSS bebas-lesen ISED Kanada. Peranti ini mematuhi bahagian 15 pada Peraturan FCC. Operasi tertakluk pada dua keadaan berikut: (1) peranti ini mungkin tidak menyebabkan gangguan berbahaya dan (2) peranti ini mesti menerima sebarang gangguan diterima, termasuk gangguan yang menyebabkan operasi yang tidak diingini.

Penting: Produk ini telah menunjukkan pematuhan EMC di bawah keadaan yang termasuk penggunaan peranti persisian serasi dan kabel dengan pengadang antara komponen sistem. Adalah penting bahawa anda menggunakan peranti persisian serasi dan kabel dengan pengadang antara komponen sistem untuk mengurangkan kemungkinan menyebabkan gangguan terhadap radio, televisyen dan peranti elektronik yang lain.

ISED Kanada

CAN ICES-3 (B)/NMB-3(B)

Pernyataan Pematuhan EU

Apple Inc. mengisytiharkan bahawa peranti wayarles ini mematuhi Direktif 2014/53/EU.

Salinan Pengisytiharan EU untuk Pematuhan, termasuk frekuensi jalur peranti dan kuasa frekuensi maksimum radio, tersedia di www.apple.com/euro/compliance. Wakil EU Apple adalah Apple Distribution International, Hollyhill Industrial Estate, Cork, Ireland.



Pengehadan Penggunaan

Peranti ini terhad kepada penggunaan dalam bangunan apabila beroperasi dalam julat frekuensi 5150 hingga 5350 MHz. Pengehadan ini digunakan dalam: AT, BE, BG, CH, CY, CZ, DE, DK, EE, EL, ES, FI, FR, HR, HU, IE, IS, IT, LI, LT, LU, LV, MT, NL, NO, PL, PT, RO, SE, SI, SK, TR, UK.

European Union—Maklumat Pelupusan



Simbol di atas bermakna menurut undang-undang dan peraturan tempatan produk anda dan/atau baterinya mesti dilupuskan secara berasingan daripada bahan buangan rumah. Apabila produk ini mencapai akhir hayatnya, bawanya ke pusat pengumpulan yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Pengumpulan dan kitar semula produk anda dan/atau baterinya pada masa pelupusan akan membantu memelihara sumber semula jadi dan memastikan ia dikitar semula dalam cara yang melindungi kesihatan manusia dan alam sekitar.

Maklumat Laser Kelas 1

Peranti ini diklasifikasikan sebagai Produk Laser Kelas 1 per IEC60825-1:2007 dan IEC60825-1:2014. Peranti ini mematuhi 21 CFR 1040.10 dan 1040.11 kecuali untuk penyelewengan menurut Notis Laser 50 bertarikh 24 Jun 2007. Peranti ini mengandungi laser yang boleh dirosakkan semasa pembaikan atau pemasangan, yang boleh mengakibatkan pendedahan bahaya kepada pemancaran laser inframerah yang tidak kelihatan. Kelengkapan ini perlu diservis oleh Apple atau penyedia khidmat sah.

PRODUK LASER KELAS 1